



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN: 4/2014
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dengan penuh hormat sukacita memaklumkan bahawa penyertaan bagi **Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) 2014** kini dibukakan. ACPA terbuka kepada:-

- **Kementerian / Jabatan**
- **Pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam secara individu**
- **Kumpulan dalam perkhidmatan awam**
- **Pihak swasta**

2. Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam bertujuan untuk:

- Menggalakkan inovasi dalam urustadbir baik (*good governance*) perkhidmatan awam;
- Menghargai keunggulan / kecemerlangan dalam sektor awam;
- Memotivasi penjawat awam untuk lebih mempromosikan / menggalakkan inovasi;
- Meningkatkan profesionalisma di dalam perkhidmatan awam;
- Meningkatkan imej perkhidmatan awam;
- Mengumpulkan dan menyebarkan praktis-praktis yang berjaya untuk dicontohi agensi-agensi sektor awam yang lain.

3. Pada utamanya program / projek yang dicalonkan untuk ACPA hendaklah terdiri daripada program / projek yang telah menampakkan hasil / natijah (*outcome*) dan impak yang besar / positif ke atas perkhidmatan awam. Bagaimanapun program / projek dalam bentuk kertas kerja substantif bersifat cadangan / buah fikiran (*idea*) yang berpotensi untuk dipraktikkan oleh perkhidmatan awam adalah boleh dipertimbangkan.

.....2/ 



-2-

4. Penyertaan program / projek / kertas cadangan ACPA tahun 2014 ini terbuka kepada berbagai bidang yang antara lainnya adalah seperti berikut:-

- a) Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Awam (*Improving the Delivery of Public Service*);
- b) Inovasi dalam Perkhidmatan Awam (*Innovations in Public Service*);
- c) Mencegah dan Memerangi Rasuah dalam Perkhidmatan Awam (*Preventing and Combating Corruption in the Public Service*);
- d) Meningkatkan Integriti, Ketelusan, Akauntabiliti dan Tindakbalas dalam Perkhidmatan Awam (*Improving Integrity, Transparency, Accountability and Responsiveness in the Public Service*);
- e) Memajukan Pengurusan Ilmu dalam Kerajaan (*Advancing Knowledge Management in Government*);
- f) Aplikasi Teknologi Info-Komunikasi dalam Kerajaan: e-Kerajaan (*Application of Information and Communication Technology (ICT) in Government: e-Government*);
- g) Penambahbaikan Kualiti Proses dalam Perkhidmatan Awam (*Improvement of the Quality of the Public Service Process*).

5. Pihak yang akan menyertai ACPA dibolehkan mencalonkan sebanyak mungkin program / projek / kertas cadangan yang memenuhi matlamat ACPA yang di antara lain disenaraikan di dalam perenggan 2 di atas.

6. Setiap pencalonan hendaklah mengisikan **Borang Penyertaan ACPA** yang boleh diperolehi di **Jabatan Perkhidmatan Pengurusan**, Jabatan Perdana Menteri selaku Urusetia kepada Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan Awam atau dimuat turun daripada laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat www.jpp.gov.bn. Borang tersebut berserta dengan **5 set kertas kerja program / projek / cadangan dan softcopy** hendaklah dikembalikan ke Jabatan berkenaan **tidak lewat dari hari Isnin, 26 Rejab 1435 bersamaan dengan 26 Mei 2014**.

7. Setiap kertas kerja program / projek / cadangan yang dicalonkan hendaklah menurut format **Laporan Program / Projek / Kertas Cadangan** sepertimana yang digariskan dalam **Garispanduan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam** yang juga boleh diperolehi melalui laman sesawang di atas.



-3-

8. Panel Penilaian dan Pemilihan ACPA boleh menolak pencalonan yang tidak memenuhi syarat penyertaan mahupun mana-mana program / projek / kertas cadangan yang bidang tumpuannya tidak menepati matlamat ACPA.
9. Penerangan lanjut mengenai ACPA boleh diperolehi dengan berhubung terus kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat seperti berikut:

**Jabatan Perkhidmatan Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Bahirah
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

**Telefon : 2382066 sambungan 523 / 550 / 192 / 526
Fax : 2382062
E-mail : info.msd@msd.gov.bn**

"Perniagaan Kecil Dan Sederhana Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Negara"

**[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HJ ABDUL SALAM]
Setiausaha Tetap**

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (4)JPM/SK/2014
Tarikh : 26 Jamadilakhir 1435H
26 April 2014M